



- 1. PEGAWAI II KAPAL PERIKANAN
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 2**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang Perikanan (*Fisheries*) / Kejuruteraan Marine (*Marine Engineering*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Serang Tingkat I atau dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Bagi pemohon syarat Para 1.b) dan 1.c), hendaklah mempunyai Sijil Kecekapan Kelas enam (6) atau Kelas tujuh (7) atau Kelas lapan (8).
3. Berkebolehan di dalam mengendalikan kapal-kapal di bawah 500 tan kasar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan makna tanda-tanda pelayaran adalah kelebihan.
4. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan boleh mengurus dan mengawas kakitangan di bawah jagaannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.
5. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu pelayaran dan Teknologi menangkap ikan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI II KAPAL PERIKANAN.

1. Membantu menyediakan "*Sailing Orders*" dan memastikan persediaan-persediaan dibuat sebelum pelayaraan kapal.
2. Membantu menjadualkan "*Watch Duty*" semasa perjalanan kapal.
3. Bertanggungjawab kepada Kaptan Kapal atau alat-alat Navigasi termasuk percatatan alat-alat tersebut, alat-alat ganti serta "*Navigation Performance*" di atas kapal.
4. Mengambil bahagian dalam operasi penangkapan ikan.
5. Menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal.
6. Mengawasi kakitangan bawahan.
7. Membantu Unit Teknikal Bergerak untuk menilai kapal-kapal tangkapan ikan komersial.
8. Membantu Unit Teknikal Bergerak untuk menilai alat-alat menangkap ikan.
9. Menjalankan pemeliharaan di atas kapal dan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa kesemasa.
10. Menenerima dan melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Divisyen, Ketua Seksyen dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa kesemasa.